



buletin Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
NASKAH PERCUMA

EDISI
MEI - OGOS 2024
02/2024



TUAN SHAHMAN YDP BAHARU MPS

**MENARIK
DI DALAM...**



10

Hari Landskap Negara
2024



11

Program Rewang Komuniti
Strata Negeri Selangor
Peringkat MPS 2024



12

Majlis Perhimpunan
Bulanan dan Hari
Penguatkuasa

Sekitar Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang yang berkuatkuasa pada 5 Jun 2024 bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS.

Majlis disaksikan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS. Hadir sama, Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, barisan Ahli Majlis dan Para Pengarah Jabatan.

Berita penuh di halaman 4.



@mpselayang

WWW.MPS.GOV.MY

DARI MEJA

YANG DIPERTUA

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua pengunjung kerana sudi melayari Buletin Selayangku Sayang Bil. 2/2024 di dalam portal MPS.

Sejajar dengan perkembangan semasa yang menekankan kepada penggunaan ICT dalam urusan seharian, MPS komited bagi menyediakan buletin dalam bentuk digital yang mesra pengguna dalam penyampaian maklumatnya.

Diharapkan penerbitan buletin Selayangku Sayang ini dapat memberi manfaat dan kesan yang positif kepada pendigitalan sektor awam.

Berkenaan isu kenaikan kadar cukai pintu di Selangor mulai 2025 yang hangat diperkatakan, MPS telah mengeluarkan notis senarai nilai baharu kepada 230,000 pemilik pegangan dalam kawasan MPS pada 1 April 2024.

Notis yang dikeluarkan adalah selaras dengan Seksyen 141, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Notis ini merupakan notis pemberitahuan nilai semula cukai taksiran selepas 32 tahun MPS mengguna pakai aras nilai "tone of the list" tahun 1992.

Senarai nilai baharu perlu disediakan untuk mengimbangi kos perbelanjaan pengurusan dan perkhidmatan seiring dengan hasil cukai taksiran semasa.

MPS akan sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik bagi mencapai kualiti kehidupan unggul untuk semua penduduk MPS.

(TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

BIL 2/2024 Mei - Ogos



mpselayang

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin
ydp@mps.gov.my

YBRs. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi
tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin bin Masoad
mzin.masoad@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi bin Ishak
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

PENGARANG

Pn. Norhatikah Nabila binti Masri
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
Pn. Norhasliza binti Hassan
norhasliza.hassan@mps.gov.my

PEREKA LETAK

En. Mohd Afzairis bin Naseri
mafzairis.naseri@mps.gov.my
Cik Nurshahira Najihah binti Abd Rashid
nurshahira_najihah@mps.gov.my

JURUFOTO

Pn. Anissapinah binti Mohd Dan
anissapinah.mohddan@mps.gov.my
En. Mohamad Khairun bin Roslan
mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

TERBITAN

3 Kali Setahun

e-ISSN

3030-5896

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800

No. Faks: 03 6138 2728

E-mel: aduanmps@mps.gov.my

Talian Bebas Tol: 1800-222-677

BIODATA YDP

Nama :

Tuan Shahman bin Jalaludin

Kelulusan Akademik:

- Diploma Sains Komputer
- Ijazah Sarjana Komputer (Rangkaian)
- Sarjana Sains Sosial - Analisis Strategi dan Keselamatan

Kerjaya:

7 Julai 2003

Penolong Pengarah, (PTD M41)
Jabatan Penjara Malaysia,
Kementerian Dalam Negeri

1 September 2004

Penolong Setiausaha, (PTD M41)
Bahagian Penyelidikan dan Perancang,
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

16 Oktober 2004

Penolong Setiausaha, (PTD M41)
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

1 Disember 2006

Penolong Setiausaha, (PTD M44)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

1 Januari 2008

Pengarah Eksekutif,
Majlis Sukan Negeri
Selangor

1 Februari 2010

Ketua Penolong Pengarah, (PTD M48)
Jabatan Perkhidmatan Awam

4 April 2011

Ketua Penolong Pengarah, (PTD M48)
Bahagian Istiadat & Urusetia Persidangan Antarabangsa,
Jabatan Perdana Menteri

20 September 2016

Ketua Penolong Setiausaha, (PTD M52)
Bahagian Perolehan Kementerian Pertahanan

9 Julai 2018

Ketua Pen. Setiausaha, (PTD M52)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

6 Disember 2021

Timbalan Pengarah Pengurusan, (PTD M54)
Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS)

11 April 2022 - 3 Jun 2024

Pegawai Daerah Klang, (PTD M54)
Pejabat Daerah dan Tanah Klang

Pingat/Bintang ke14 : Bintang Kesatria Setia Diraja (K.S.D) pada
2 Jun 2012 - YDPA



**TUAN SHAHMAN
BIN JALALUDIN**
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

YDP MAHU MPS KE ARAH NORMA DIGITALISASI FOKUS



Sekitar Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang yang berkuatkuasa pada 5 Jun 2024 bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS.

Majlis disaksikan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS. Hadir sama, Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, barisan Ahli Majlis dan Para Pengarah Jabatan.

Tahniah diucapkan kepada YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin dan selamat menjalankan tugas.



ISTIADAT PENGURNIAAN PINGAT-PINGAT NEGERI SELANGOR

Bersempena ulang tahun ke-78 Hari Keputeraan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mengurniakan Pingat Negeri Selangor Darul Ehsan kepada 165 orang penerima bagi daerah Petaling dan Klang pada 13 Jun 2024 bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Shah Alam.

Turut sama hadir, Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang. Sekalung tahniah diucapkan kepada kakitangan MPS yang terpilih untuk menerima Pingat Negeri Selangor.



Pingat Pekerti Terpilih (PPT)

1. Pn. Suhaila binti Abdul Hamid, Pegawai Perundangan L48
2. En. Ir. Ts. Hazrin Hazizi bin Hussain Sabri, Jurutera J44
3. Pn. Sr. Fazlin Mariam binti Mustafa, Pegawai Penilaian W44

Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)

1. En. Paramasivam a/l Chelliah, Penolong Pegawai Penguat Kuasa KP32

Pingat Perkhidmatan Selangor (PPS)

1. En. Murukan a/l Manikam, Pembantu Operasi N11

SEMPENA MPS TERIMA ANUGERAH PENGHARGAAN RAKAN SENERGI



Malam Anugerah Platform Selangor 2024 telah diadakan pada 12 Julai 2024 bertempat di Hotel Sunway Resort, Subang Jaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dengan diiringi YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Seramai 12 peserta telah terpilih menjadi peserta terbaik sepanjang menjalani Program Latihan Pembangunan Usahawan PLATS (U-PLATS Digital) yang mewakili 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor. Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS telah menerima Anugerah Penghargaan Rakan Sinergi.

Turut sama dalam majlis ini, barisan EXCO Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS dan kakitangan MPS.



ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) PERINGKAT MPS 2024

Sesi Penilaian Fizikal Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Tahun 2024 anjuran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor peringkat Majlis Perbandaran telah diadakan pada 10 Julai 2024. Pasukan Panel Penilai telah diketuai oleh Puan Nurmala binti Saaman, Penolong Setiausaha (Pembangunan Organisasi), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK Negeri Selangor.

Sebanyak 31 Kumpulan di bawah Pentadbiran MPS telah menyertai pertandingan ini. MPS diwakili oleh 4 kumpulan iaitu Kumpulan Mekanik, Zero Debt, Kumpulan D'namik dan Kumpulan S&M. Turut bertanding adalah kumpulan dari dari Sektor Awam, IPT, Sekolah dan Akar Umbi.

Tuan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua turut melawat ke Pameran Inovasi kumpulan yang bertanding .

Penilaian Fizikal ini bertujuan menapis dan menilai projek yang akan ke peringkat seterusnya. Keputusan bagi kumpulan yang akan ke peringkat seterusnya akan diumumkan sekitar bulan Ogos 2024.



KUNJUNGAN HORMAT YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN



Majlis Perbandaran Selayang telah menerima kunjungan hormat daripada YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang pada 19 Julai 2024 berlangsung di Bilik Yang Dipertua MPS.

Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi dan memberi penerangan berkaitan isu-isu semasa di kawasan MPS selain bertukar pandangan dan juga pengalaman.

Perjumpaan bersama Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS turut disertai En. Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat MPS.

KUNJUNGAN HORMAT INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM) KE MPS



Majlis Perbandaran Selayang telah menerima kunjungan hormat daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang diketuai oleh YBrs. Dr. Ismail bin Hj. Parlan, Ketua Pengarah (FRIM) bersama 4 orang pegawai pada 19 Julai 2024 bertempat di Bilik Yang Dipertua MPS.

Lawatan ini bertujuan untuk merangka persefahaman selain bertukar pandangan dan idea yang dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak. Perjumpaan bersama Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS ini turut disertai En. Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat MPS.



LAWATAN MPKS KE MPS MEMPELAJARI SISTEM E-SIM

Majlis Perbandaran Selayang telah menerima lawatan dari Majlis Perbandaran Kuala Selangor pada 26 Jun 2024. Lawatan kunjung hormat ini disertai oleh 23 orang diketuai oleh YBrs. Puan Liliana binti Ahmad, Pengarah Jabatan Perbandharaan MPKS dan disambut oleh Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Pengarah Perbandharaan MPS.

Tujuan lawatan adalah untuk berkongsi pengetahuan berkenaan pelaksanaan sistem e-SIM di Majlis Perbandaran Selayang. Turut hadir dalam perjumpaan ini Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, para Pengarah Jabatan dan wakil dalam MPS.



LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG KE MPS

Majlis Perbandaran Selayang telah menerima lawatan penandaarasan dari Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) pada 4 Julai 2024 bertempat di Bilik Anggerik, Tingkat 9, Menara MPS. Objektif lawatan ini adalah untuk mempelajari tentang sistem pengurusan perubatan kakitangan di Majlis Perbandaran Selayang.

Kunjungan hormat ini telah disertai oleh 6 orang diketuai oleh Puan Nurul Huda binti Bahrom, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) dan disambut oleh Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS.

Turut sama dalam perjumpaan ini, Puan Mazurah binti Mohamed, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPS dan kakitangan Jabatan Khidmat Pengurusan.



KUNJUNGAN HORMAT UNIT INTEGRITI DBKL DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI SELANGOR KE MPS

Majlis Perbandaran Selayang telah menerima kunjungan hormat daripada Unit Integriti, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Unit Integriti Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor pada 26 Julai 2024 bertempat di Bilik Anggerik, MPS.

Lawatan seramai lima orang yang diketuai Encik Kamarulzaman bin Ahmad, Pengarah Jabatan Integriti DBKL dan Encik Muhammad Multazam bin Mohd Shuhaini, Ketua Unit Integriti Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor ini disambut oleh Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS diiringi Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS.

Sesi kunjungan hormat ini adalah untuk berkongsi dan bertukar-tukar pandangan dan pengalaman dalam pengurusan fungsi teras Unit Integriti dan program-program yang dilaksanakan bagi mengekalkan kelestarian integriti dalam organisasi.



18 KOMUNITI SERTA PERTANDINGAN KEBUN KOMUNITI MPS 2024

Tahniah diucapkan kepada Kebun Komuniti Geliga Nilam, Taman Perwira Gombak atas kejayaan memenangi Kebun Komuniti Terbaik Kategori Lorong Belakang. Kebun Komuniti Cemerlang Court, Gombak turut dinobatkan Kebun Komuniti Terbaik Kategori Kawasan Lapang dan Kebun Komuniti terbaik bagi Kategori Penyelenggaraan dimenangi oleh Kebun Komuniti Pekan Rawang.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBr. Tuan Adi Faizal Bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang pada 8 Jun 2024 bertempat di Garden 8, Taman Perwira Gombak. Turut hadir YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak merangkap JKP Zon 2. Sebanyak 18 kebun komuniti yang telah bertanding pada pertandingan ini dan MPS berharap usaha ini dapat memberi dorongan dan sokongan kepada masyarakat untuk memperkasa kebun komuniti di kawasan masing-masing.



SESI TAKLIMAT KEMPEN KEBERSIHAN PREMIS

Satu sesi Taklimat Kempen Kebersihan Premis Sanjuran Bahagian Pengurusan Harta, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS telah diadakan pada 18 Julai 2024 bertempat di Pasar Bandar Country Homes, Rawang.

Taklimat ini bertujuan bagi memberi kesedaran dan pemahaman kepada penyewa tentang tatacara menjaga kebersihan pasar dan persekitaran bersama. Taklimat ini juga akan disusuli dengan program gotong-royong yang akan diadakan pada 23 Julai 2024.

Turut hadir wakil-wakil dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan, Jabatan Pelesenan dan penyewa-penyewa pasar MPS Bandar Country Homes.



KPKT LAWAT 8 LOKASI MYKIOSK DI KAWASAN MPS



Satu sesi naziran oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Projek dibawah peruntukan inisiatif belanjawan tahun 2023 bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/MyKiosk KPKT telah diadakan pada 19 Julai 2024 di 8 lokasi perletakan MyKiosk, Majlis Perbandaran Selayang.

Lawatan tapak ini telah dihadiri oleh dua orang pegawai KPKT bersama Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS. Turut sama wakil jabatan MPS yang terdiri daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Perlesenan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Korporat dan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan.

HARI LANDSKAP NEGARA 2024

Majlis Perasmian Hari Landskap Negara 2024 telah disempurnakan oleh KDYMM SPB Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada 25 Mei 2024 di Taman Tasik Shah Alam, Selangor. Keberangkatan tiba KDYMM Seri Paduka Baginda telah disambut YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Pengurusan Tertinggi Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Exco Kerajaan Negeri Selangor serta Yang Dipertua pihak berkuasa tempatan. Sambutan Hari Landskap Negara 2024 (HLN2024) dengan tema "Industri Landskap Pemacu Pembangunan Moden" telah berlangsung mulai 24 Mei hingga 2 Jun. Pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program berlangsung seperti Pertandingan Landskap IPT / IPTS, Pertandingan Laman PBT, Explorace, Fun Run dan banyak lagi. Majlis Perbandaran Selayang turut menyertai Pertandingan Laman PBT dengan persiapan dan persediaan bermula 17 Mei hingga 24 Mei 2024. "Laman Selayangku Sayang" yang penuh dengan keunikan hutan hujan dan Pokok Giam Kanching (*Hopea Subalata*) yang hanya terdapat di Rawang.





Program REWANG KOMUNITI STRATA NEGERI SELANGOR PERINGKAT MPS 2024

Lebih 2000 orang telah hadir ke Program Rewang Komuniti Strata Negeri Selangor Peringkat Majlis Perbandaran Selayang 2024 yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato Menteri Besar Selangor pada 14 Julai 2024 bertempat di Padang Awam, Taman Pinggiran Batu Caves.

Program anjuran Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama MPS dan rakan rakan strategik ini telah berlangsung pada 13 Julai dan 14 Julai 2024. Program ini menampilkan

aktiviti rewang penyediaan makanan oleh penduduk komuniti strata di kawasan tersebut sebagai tarikan utama.

Turut diadakan aktiviti sukan rakyat, jualan Ehsan Rahmah, ruai pemeriksaan kesihatan dan ruai pameran oleh agensi kerajaan. Turut sama semasa majlis perasmian Tuan Borhan Aman Shah, EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor, Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS dan Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS.



PERHIMPUNAN BULAN OGOS DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG

Sempena sambutan Bulan Kemerdekaan, Majlis Perbandaran Selayang telah mengadakan Kempen Kibar Jalur Gemilang dan Perhimpunan Bulanan pada 12 Ogos 2024 di pekarangan Dataran MPS. Bagi menyahut seruan Perdana Menteri supaya mengangkat semangat kemerdekaan dengan mengibarkan Jalur Gemilang di premis kediaman dan pejabat, pada majlis ini telah turut diadakan penyerahan Jalur Gemilang kepada ahli majlis MPS. Tuan YDP dalam ucapannya menyeru agar semua kakitangan dapat menghayati tema sambutan “Jiwa Merdeka” dan menerapkan

nilai-nilai kebebasan, perpaduan dan kecekalan dalam menjalankan tugas seharian. Turut diadakan penyampaian hadiah kepada pasukan ping pong MPS yang telah menjuarai Kejohanan Ping Pong Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia (MALA). Di akhir majlis ini, semua warga kerja MPS bersama-sama Ahli Majlis menyanyikan lagu Jalur Gemilang dengan penuh semangat sambil mengibarkan bendera dan sesi bergambar. Hadir sama dalam majlis perhimpunan ini, Tuan Haji Az’har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, barisan Ahli Majlis, para Pengarah Jabatan dan kakitangan MPS.



PERHIMPUNAN BULANAN DAN SAMBUTAN HARI PENGUAT KUASA

Majlis Perhimpunan Bulanan yang dihoskan oleh Jabatan Penguat kuasa dan Keselamatan sempena meraikan sambutan Hari Penguat kuasa MPS ke-42 telah diadakan pada 24 Julai 2024 bertempat di Lobi Menara MPS.

Pada majlis ini, Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS telah merasmikan Hari Penguat kuasa dan ‘Buddy System’ MPS iaitu sistem pemindahan kredit bagi kemudahan perubatan pesakit luar untuk warga MPS.

Acara diserikan lagi dengan persembahan koir, peragaan pakaian dari unit PANTAS dan pertunjukan aksi Tempur Tanpa Senjata oleh anggota Penguat kuasa MPS. Selain itu, turut diadakan juga penyampaian hadiah bagi Anugerah Inovasi MBSA 2024 dan program Jom Pakat Maghi Candat Sotong 2024. Turut sama dalam majlis perhimpunan ini, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua, barisan Ahli Majlis, para Pengarah Jabatan dan kakitangan MPS.



SELANGOR ASEAN BUSINESS CONFERENCE (SABC) 2024 DAN SELANGOR INVESTMENT & INDUSTRIAL PARK EXPO (SPARK)

Majlis Perbandaran Selayang telah mengambil bahagian di Selangor Asean Business Conference (SABC) 2024 dan Selangor Investment & Industrial Park Expo (SPARK) 2024 yang berlangsung selama tiga hari bermula pada 25 hingga 27 Julai 2024 di Kuala Lumpur Convention Centre.

Reruai MPS berkongsi informasi, inisiatif dan peranan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan bawah pentadbiran MPS dan pameran tentang Gombak-Hulu Langat Geopark sebagai geopark pertama di Selangor.



RAJA PERMAISURI AGONG BERKENAN MELAWAT HOSPITAL ORANG ASLI GOMBAK

KDYMM SPB Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah berkenan melawat Hospital Orang Asli Gombak (HOAG) pada 23 Julai 2024. Lawatan Seri Paduka Baginda adalah sebahagian daripada acara sempena Istiadat Pertabalan Sultan Ibrahim sebagai Yang Dipertuan Agong ke-17 yang berlangsung dengan penuh adat istiadat dan tradisi di Istana Negara pada Sabtu lalu.

Seri Paduka Baginda turut berkenan mengurniakan sumbangan sebanyak RM30 000 kepada HOAG. Seri Paduka Baginda kemudian

berkenan meluangkan masa selama setengah jam menziarah pesakit di wad HOAG.

Hadir sama YDH Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Orang Besar Daerah Klang,

YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS dan Puan Nor Azlina binti Aziz, Pegawai Daerah Gombak.



PERHIMPUNAN BERSAMA PRESIDEN CUEPACS

Perhimpunan Bersama Presiden Cuepacs Sekitar Majlis Perhimpunan Bersama YBhg. Dato' Dr. Haji Adnan bin Mat, Presiden CUEPACS merangkap Presiden Anulae Semenanjung Malaysia pada 30 Mei 2024 bertempat di Lobi Menara MPS.

Dalam sesi perhimpunan ini, beliau menyampaikan taklimat CUEPACS dengan tajuk "Kenaikan Gaji Sektor Awam, Tingkat Produktiviti, Jaga Intergriti". Kakitangan MPS juga turut diberi taklimat berkenaan insurans CUEPACS dengan oleh En. James D. Ravi, Pengurus CUEPACS Living Care.

Turut hadir, Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, Puan Ruzaini binti Sohot, Pengerusi ANULAE cawangan MPS dan Pengarah Jabatan.



PROGRAM CERAMAH MOTIVASI ANJURAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB)

Program Ceramah Motivasi anjuran Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) telah diadakan pada 21 Jun 2024 bertempat di Lobi Menara MPS.

Ceramah motivasi yang bertajuk 'Burnout' telah disampaikan oleh Tuan Amin Idris untuk memberi pengetahuan tentang pengurusan Stress dan mencari keseimbangan yang sihat di tempat kerja.

Turun sama dalam program ini, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, Ahli Majlis, Pengarah Jabatan dan 300 orang kakitangan MPS.



PROGRAM GOTONG-ROYONG PASAR MPS

Sempena Kempen Pasar Awam Bersih bagi Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024 anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah mengadakan Program Gotong-royong Pasar MPS, Bandar Country Homes pada 23 Julai 2024.

Gotong-royong ini diadakan bagi membersihkan pasar, kawasan sekeliling dan ruang perniagaan penyewa. Aktiviti gotong-royong melibatkan semua penyewa pasar dan kakitangan MPS daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan, Jabatan Landskap dan Jabatan Perlesenan.





OPERASI ADUAN POKOK TUMBANG

Tindakan segera dari Unit PANTAS MPS ke lokasi kejadian pokok tumbang ekoran hujan lebat dan angin kencang hari ini di Jalan Desa 1/1 Bandar Country Homes, Persiaran 2 Bandar Baru Selayang dan juga Jalan 3/1A, Templer Heights bagi melaksanakan kerja-kerja pemotongan pokok yang tumbang dan pembersihan.

Orang ramai dinasihatkan terus berhati-hati dan melaporkan sebarang kejadian bencana kepada pihak berkuasa.



MPS ROBOH STRUKTUR BANGUNAN TANPA KELULUSAN

MPS bersama agensi berkaitan telah merobohkan struktur kediaman tanpa kelulusan di Kampung Gombak, Kuang pada 16 Julai 2024. Tindakan ini diambil selepas pemilik rumah mengabaikan arahan dan notis yang dikeluarkan. Operasi dilakukan mengikut Seksyen 70(1) dan Seksyen 72 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), melibatkan kerjasama PDRM, Tenaga Nasional Berhad, serta Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.

MPS mengingatkan pemilik tanah agar mematuhi undang-undang dengan mendapatkan kelulusan perancangan dan pelan bangunan sebelum mendirikan sebarang struktur.



OPERASI PEMANTAUAN DAN RONDAAN AKTIVI PEMBUANGAN SAMPAH

Tindakan licik sebuah lori membuang sampah secara haram di kawasan Sungai Pusu, Gombak berakhir apabila kenderaan itu disita Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pada 15 Julai 2024.

Operasi pemantauan dan rondaan aktiviti pembuangan sampah dilakukan oleh Unit Atur Cepat, Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS. Tindakan diambil mengikut Undang-undang Kecil (UUK) 21 (sitaan) dan Seksyen 4 (kompaun) di bawah UUK Pemungutan, Pembuangan dan Perlupusan Sampah Sarap (MPS) 2007.

MPS ingin mengingatkan pemilik lori untuk mematuhi peraturan atau berdepan tindakan sekiranya melanggar undang-undang.



MPS ROBOH GUDANG TANPA KELULUSAN

MPS telah merobohkan gudang tanpa kelulusan pada 31 Julai 2024 di Jalan Kampung Orang Asli, Kampung Bunga Raya, Kuang. Perobohan dilakukan selepas pemilik ingkar terhadap notis pengosongan yang dikeluarkan.

Tindakan ini mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Operasi yang bermula pukul 10.00 pagi telah diketuai oleh Jabatan Bangunan MPS, dibantu oleh Unit Penguatkuasaan, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak (PDTG), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan jabatan-jabatan dalaman MPS.

MPS mengingatkan semua pemilik struktur bangunan untuk mematuhi undang-undang dan mendapatkan kelulusan MPS sebelum mendirikan bangunan bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan.



PROGRAM IBADAH KORBAN 2024

Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) dengan kerjasama Anulaa Cawangan MPS telah menganjurkan Program Ibadah Korban Majlis Perbandaran Selayang 1445H/2024M pada 19 Jun 2024 bertempat di Kuarters Kakitangan MPS, Bandar Baru Selayang.

Seramai 21 orang kakitangan MPS dan ahli keluarga telah melakukan ibadah korban dengan mengorbankan 3 ekor lembu. Sebanyak 101 plastik daging korban ini kemudian telah diagihkan kepada penduduk di Apartment Dahlia A dan Apartment Dahlia B Bandar Baru Selayang.

Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS telah turut hadir menyaksikan ibadah korban yang bermula pada jam 8.30 pagi dan meninjau operasi melapah dan menimbang daging. Selain itu, lebih 90 kakitangan MPS telah bersama-sama turut bergotong royong memasak juadah yang kemudian dihidangkan kepada semua yang terlibat.

Hadir sama, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak merangkap Ahli Majlis MPS, Encik Zikry bin Zulkifle, Presiden KSDK MPS dan para Pengarah Jabatan MPS.



PROGRAM KEMBARA MERDEKA JALUR GEMILANG 2024 PERINGKAT DAERAH GOMBAK



Program Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2024 Negeri Selangor telah meneruskan perjalanan ke Daerah Gombak pada 8 Ogos 2024. Konvoi yang meneruskan perjalanan dari daerah Hulu Selangor telah sampai dan disambut meriah di perkarangan Kolej Komuniti Selayang sekitar jam 8 pagi. Majlis diteruskan dengan sesi perasmian dan 'flag off' pelepasan konvoi yang menuju ke Masjid Wilayah dan akan berakhir di Pusat Komuniti Lembah Pantai, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sesi ini telah disempurnakan oleh Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak bersama-sama Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS, Puan Normaizatulkamal binti Tujad, Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Selangor dan Dr. Noriah binti Abdul Malek, Pengarah Kolej Komuniti Selayang.



52 PESERTA SERTAI TAKLIMAT PENGURUSAN KEWANGAN DAN KEBERSIHAN PREMIS

Untuk memastikan penyewa premis MPS menguruskan premis dan perniagaan dengan baik, MPS telah mengadakan Kursus Asas Sewaan Penyewa Premis MPS Siri 1 yang diadakan pada 23 Mei 2024 bertempat di Hotel Crystal Crown, Kuala Lumpur.

Seramai 52 orang peserta telah mengambil bahagian dimana peserta diberikan pendedahan tentang pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan yang teratur dan pengurusan kebersihan premis. Tuan Wan Anwar bin Wan Ibrahim, Ahli Majlis MPS telah merasmikan kursus ini.



KURSUS PEMATUHAN TERHADAP TATAKELAKUAN DAN TATATERTIB PENJAWAT AWAM BAGI KAKITANGAN MPS



Unit Integriti, Majlis Perbandaran Selayang telah menganjurkan Kursus Pematuhan Terhadap Tatakelakuan dan Tatatertib Penjawat Awam Bagi Kakitangan MPS pada 30 Mei 2024 bertempat di Dewan Simfoni, Taman Rimba Bukit Lagong.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Nor Zahidi dari Bahagian Perkhidmatan, Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas (ULKAN & OK) melibatkan seramai 60 orang peserta warga kerja MPS. Kursus ini bertujuan untuk memberikan pemahaman, kemahiran dan pengetahuan mengenai pengurusan dan prosedur tindakan tatakelakuan dan tatatertib dalam perkhidmatanawam. Turut hadir, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS dan Pengarah Jabatan.

MPS PEROLEH SIJIL BERSIH KEWANGAN KALI-20

Mesyuarat Penutup Pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang 2023 telah diadakan pada 5 Julai 2024 bertempat di Bilik Anggerik, Tingkat 9, Menara MPS.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBr. Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS. Pihak Jabatan Audit Negara Negeri Selangor telah diwakili oleh Puan Zirawati binti Kadir.

Bedasarkan Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan yang telah selesai dijalankan, MPS telah berjaya memperolehi Sijil Bersih Kewangan kali ke-20 Turut sama pada mesyuarat ini adalah Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengauditan.



MPS KE ARAH BANDAR PINTAR

MPS telah mengadakan Program Focus Group Discussion (FGD) untuk Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar 2030 pada 27 dan 28 Mei 2024 bertempat di Dewan Beringin, Taman Sri Gombak.

Seramai 166 peserta telah hadir pada Program Focus Group Discussion (FGD) ini yang melibatkan Jabatan Dalaman MPS, Ahli-ahli Majlis, agensi kerajaan, institusi Pendidikan, NGO, pemaju, operator pelancongan, solution provider dan pihak berkepentingan. Maklumat serta pandangan yang diterima akan digunakan untuk memastikan Pelan yang telah dirangka lebih komprehensif dan inklusif. Pelan Tindakan Bandar Pintar 2030 ini juga amat penting sebagai permulaan untuk MPS mencapai status Smart City Early Adopter oleh PLANMalaysia.



PROGRAM TAKLIMAT PENDENGARAN BANTAHAN SENARAI NILAIAN BAHARU

Sekitar Program Taklimat Pendengaran Bantahan Senarai Nilai Baru, Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan pada 21 Jun 2024 bertempat di Dewan Simfoni, Taman Rimba Bukit Lagong. Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Sr. Farah Firdaerma binti Mohamad Nasokan, Ketua Bahagian Penilaian, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPS kepada ADN, wakil ADN dan Parlimen dan Ahli-ahli Majlis MPS untuk menerangkan semula kepada pemilik kediaman di bawah pentadbiran MPS tentang kenaikan kadar nilai baharu ini.

Turut sama pada sesi penerangan ini adalah Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS; Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS dan Pengarah Jabatan MPS.



STADIUM MPS SEBAGAI 'HOME VENUE' SANG SAKA BIRU

Sekitar Majlis Menandatangani MOU Stadium MPS Sebagai 'Home Venue' bersama Polis Diraja Malaysia Football Club (PDRM FC) telah berlangsung pada 27 Mei 2024 bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS.

PDRM FC akan menggunakan stadium MPS yang mempunyai kapasiti 11,000 tempat duduk itu sebagai 'home venue' Sang Saka Biru. Majlis menandatangani ini disempurnakan oleh Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS bersama ASP Mohamad Hafiz bin Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif PDRM FC. MPS berbesar hati dengan kesudian pihak PDRM FC untuk bekerjasama bagi tempoh 2024/2025 yang akan datang ini, sekali gus menyaksikan pelbagai aktiviti atau program dapat dijalankan di Stadium MPS.



GAMUDA LUGE GARDEN TARIKAN PELANCONGAN BAHARU MPS

Majlis Pelancaran Perdana Gamuda Luge Garden, Gamuda Garden Rawang, Selangor telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Amirudin bin Shari, Dato Menteri Besar Selangor pada 6 Julai 2024. Majlis turut dihadiri oleh Y.B. Dato' Ng Suee Lim, EXCO Kerajaan Tempatan & Pelancongan Selangor, YBhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang, Pengerusi Gamuda Berhad, Puan Azlina binti Aziz, Pegawai Daerah Gombak, dan Tuan Shahman bin Jalaludin, YDP MPS bersama tetamu kehormat lain.

Acara diserikan dengan sesi percubaan menaiki Ferris Wheel tertinggi di Malaysia, Eye of Gardens, dan Skyline Luge, tarikan pertama seumpamanya di negara ini.



PROGRAM 'THE ADVENTURE TRIPS' KE PETROSAINS, KLCC

Sekitar program 'The Adventure Trips' ke Petrosains KLCC telah berlangsung pada 22 Jun 2024 melibatkan seramai 43 orang kanak-kanak Taska MPS, ibu bapa dan kakitangan Jabatan Khidmat Pengurusan, MPS.

Aktiviti ini memberi pendedahan baru kepada kanak-kanak tentang hubungan alam dan sains serta memberi pengalaman bermain sambil belajar mengenai STEM (science, technology, engineering & mathematics).



PERTANDINGAN BINTANG ASLI REMAJA 2024 PERINGKAT DAERAH GOMBAK

Tahniah diucapkan kepada Muhammad Shazlan bin Saffie dan Siti Nur Atikah binti Mohd Asri yang telah merangkul johan dalam kategori lelaki dan wanita bagi Pertandingan Bintang Asli Remaja 2024 Peringkat Daerah Gombak.

Program anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara bersama Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) ini telah berlangsung dengan jayanya pada 27

Julai 2024 bertempat di Lobi Menara MPS. Dengan kemenangan itu, pemenang tempat pertama telah membawa pulang hadiah wang tunai RM500 beserta sijil penyertaan dan melayakkan diri untuk bertanding ke peringkat Negeri Selangor pada 8 September 2024 di Dataran Pantai Batu Laut, Tanjung Sepat.



1,207 KEKOSONGAN JAWATAN DITAWARKAN

Majlis Perbandaran Selayang dengan kerjasama PERKESO Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menganjurkan Mini Karnival Jom Kerja pada 6 Julai 2024 bertempat di Lobi Menara MPS. Sebanyak 10 majikan telah terlibat dan lebih 1,207 kekosongan jawatan telah ditawarkan pada program ini.

Pada mini karnival ini, seramai 126 peserta telah hadir dan menjalani temuduga. Peserta juga turut berpeluang mendapat konsultasi percuma dari pihak PERKESO berkaitan penyediaan resume dan kaunseling kerjaya.



TANGANI TEKANAN EMOSI FOKUS UTAMA PROGRAM BIG GIRLS TALK

Program 'Big Girls' Talk' telah diadakan pada 30 Julai 2024 bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Ideal Height, Selayang. Program anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat MPS dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Gombak ini melibatkan penyertaan 60 orang peserta daripada kalangan pelajar perempuan SMK Ideal Height berusia 15 tahun.

Objektif penganjuran bertujuan untuk mendidik teknik menangani tekanan emosi melalui kaedah pengurusan emosi sendiri. Peserta turut diajar cara-cara mengekspresikan luahan melalui teknik visual lukisan. Ceramah telah disampaikan oleh Puan Jamaida bt Jamaludin, Timbalan Pengurus Psikologi dan Kaunseling KWSP.



KEJOHANAN MAKSAK INDOOR GAMES 2024

MPS selaku Pengerusi Sukan Catur MAKSAK Selangor telah menghantar lima pemain lelaki dan dua pemain wanita dalam Kejohanan MAKSAK Indoor Games 2024 yang diadakan pada 9 hingga 12 Mei 2024 di Dewan Wawasan 2020, Kangar, Perlis.

Ahli pasukan merupakan penjawat awam dari pelbagai agensi kerajaan di Selangor. Pemain Blitz Kategori Lelaki telah mendapat tempat keempat dan kelima manakala pemain Blitz Kategori Wanita meraih tempat kelapan dan kesembilan. Tahniah dan syabas buat kesemua atlet yang bertanding.



PERLAWANAN PERSAHABATAN DI ANTARA PASUKAN PILIHAN DYTM RAJA MUDA SELANGOR DAN PASUKAN PILIHAN DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Sempena Program SFC Partners Presentation Day 2024 yang berlangsung pada 13 Julai 2024, satu perlawanan persahabatan antara pasukan pilihan DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah dengan pasukan pilihan Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin Shari telah diadakan di Stadium MBPJ. Keputusan perlawanan memihak kepada pasukan pilihan Dato' Menteri Besar Selangor dengan kemenangan tipis 5-4. Semoga perlawanan ini dapat mengeratkan lagi tali ukhuwah.

CABARAN PAINTBALL PIALA OBD (ORANG BESAR DAERAH) GOMBAK 2024

Pasukan Mud & Legion pamer aksi membanggakan apabila meraih gelaran juara Kejohanan Cabaran Paintball Piala OBD (Orang Besar Daerah) Gombak 2024 yang telah berlangsung pada 13 dan 14 Julai 2024 di Padang Batu Caves. Tempat kedua dimenangi oleh pasukan Savages manakala tempat ketiga menjadi milik pasukan Kejahatan.

Bagi kategori tertutup MPS pula, juara dimenangi pasukan JPPH All Star daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta manakala tempat kedua dan ketiga dimenangi pasukan Lepak Geng dan Tutorial Team daripada Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS bersama-sama YDH Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak. Hadir sama, Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, Timbalan Yang Dipertua MPS, Ahli Majlis dan pengarah jabatan MPS.



PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK VETERAN MPS DAN VETERAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)

Pasukan veteran Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) berkongsi padang dalam satu perlawanan persahabatan pada 19 Julai 2024 di Stadium MPS.

Perlawanan berakhir dengan pasukan veteran MPS menewaskan pasukan veteran MPKJ dengan skor jaringan 7-4.

Tahniah diucapkan kepada kedua-dua pasukan atas semangat kesukanan yang tinggi dan semoga perlawanan persahabatan ini dapat mengeratkan kerjasama antara warga kerja MPS dan Majlis Perbandaran Kajang.



PENYERAHAN BENDERA BAGI KEJOHANAN SUKAN MALAYSIA (SUKMA) 2024 KE-21



MPS selaku bapa angkat kepada pasukan menembak dan e-sport SUKMA Selangor telah mengadakan acara penyerahan bendera pada 9 Ogos 2024 di Lobi Menara MPS. Penyerahan dilakukan oleh YDP MPS, Tuan Shahman bin Jalaludin, bersama sumbangan RM5,000 dan jersi tajaan.

Turut menerima penyerahan dan sumbangan ialah Encik Khairul Ikhwan bin Soleh, kakitangan MPS yang terpilih mewakili Selangor bagi sukan boccia Para SUKMA. Acara ini diserikan dengan kehadiran TYDP MPS, atlet SUKMA, dan tetamu kehormat.

PASUKAN PING PONG MPS PERTAHAN KEJUARAAN

Pasukan pingpong MPS berjaya mempertahankan kejuaraan dalam Kejuhanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) 2024 yang telah berlangsung di Dewan Alamanda Jasin, Melaka pada 1 hingga 4 Ogos 2024. Dalam perlawanan akhir, pasukan MPS berjaya mengalahkan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) dengan keputusan 3-0. Acara akhir ini turut disaksikan Tuan Shahman bin Jalaludin, YDP MPS dan Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi, TYDP MPS. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua atlet yang telah mengharumkan nama MPS.





SALURAN PEMBAYARAN CUKAI TAKSIRAN

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG



my MPS

layari: mymmps.mps.gov.my



PERBANKAN INTERNET



ATM (AUTO TELLER MACHINE)



MESIN DEPOSIT



KAUNTER BANK



KAUNTER BAYARAN MPS

- Kiosk
- Kaunter pandu lalu
- Cawangan Rawang
- Cawangan Sri Gombak
- Cawangan Wangsa Permai
- Kaunter Bergerak (Berjadual)

KAUNTER PEJABAT POS

Pejabat Pos Besar & seluruh Pejabat Pos Kuala Lumpur dan cawangan Pejabat Pos Terpilih di Negeri Selangor

MESIN PAYQUIK KIOSK


Terdapat di Ibu Pejabat MPS, serta Pasaraya-Pasaraya terkemuka

JOMPAY



Biller Code:
3103

APLIKASI



E-wallet, FPX,
Kad Kredit

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Perbendaharaan di talian: 03-6126 5966 / 5961 / 5963 / 5964



www.mps.gov.my





MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

T 603-6126 5800

F 603-6138 8933

W www.mps.gov.my

E aduanmps@mps.gov.my

TF 1800-222-677

 [mpselayang](https://www.facebook.com/mpselayang)

e-ISSN 3030-5896



9 773030 589005